

## **Ulasan/Komen Pemeriksa Mengenai Kelemahan/Kekuatan.**

### [i] **Komen Am:**

Komen yang diberikan di sini adalah berdasarkan data statistik keputusan gred-gred bagi kursus ini. Prestasi adalah amat memuaskan berdasarkan taburan gred-gred yang tercapai. Taburan gred-gred calon bagi kursus ZCA 110 merupakan taburan normal yang hampir sempurna, dengan nilai min kira-kira 52 markah. Peratusan calon yang mendapat C- ke bawah adalah terkawal, pada tahap lebih kurang 20% sahaja, iaitu suatu angka yang amat munasabah, dan bersesuaian dengan jangkaan saya berdasarkan pemantauan ke atas *performance* pelajar-pelajar kelas ZCA 110 sepanjang semester. Lebih kurang setengah daripada meraka yang mencapai C- dan ke bawah adalah pelajar mengulang. Memadangkan fakta bahawa keputusan gred-gred ZCA 110 memperlihatkan taburan normal, ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya soalan-soalan kuiz dan peperiksaan yang diberikan adalah amat munasabah, tidak terlalu mudah atau terlalu sukar, bersesuaian dengan tahap pelajar-pejalar. Semasa saya *design* soalan-soalan peperiksaan, kriteria saya ialah untuk memilih soalan-soalan sedemikian rupa supaya mereka meliputi seluas yang mungkin topik-topik yang telah diajar. Tambahan, soalan-soalan yang dipilih terbahagi-bahagi kepada yang bertahap tinggi, sederhana, dan yang mudah, dalam nisbah yang tertentu. Tujuannya ialah supaya peperiksaan kursus ini dapat menguji dan membezakan tahap-tahap pelajar secara efektif dan efisien. Pada masa yang sama, bagi mereka yang telah berusaha untuk belajar, peluang untuk lulus secara minimal turut diberikan pertimbangan yang secocok. Secara keseluruhan, 80% calon telah berjaya memperolehi keputusan C dan ke atas, dan lebih kurang 15% mendapat A atau A-. Calon-calon dalam golongan majoriti (80%) ini mempu menunjukkan tahap kefahaman yang tertentu dengan menjawab soalan-soalan dengan standard yang boleh diterima mengikut piawai saya. Lantaran, berdasarkan fakta statistik tersebut, saya meyimpulkan bahawa mereka yang gagal mencapai gred C dan ke atas adalah mereka yang terbukti lemah daripada segi kemampuan pembelajaran.

### [ii] **Masalah/Kelemahan/Kekuatan:**

#### **Kelamahan:**

1. Disebabkan bilangan pelajar yang besar (260 orang) maka adalah sukar untuk memberikan tumpuan kepada setiap individu dalam kelas, terutamanya mereka yang lemah.
2. Wujudnya segelintir pelajar, dianggarkan pada lingkungan 50 orang, yang amat lemah aras matematik mereka.

Tambahan pula, golongan ini tidak mengambil inisiatif untuk menampilkannya dapan untuk mendapatkan pertolongan pensyarah atau tutor walaupun gesaan yang bertalu-talu disampaikan semasa kelas.

**Kekuatan:** Memang wujudnya minat yang memberangsangkan dalam sekurang-kurangnya segelintir pelajar yang kerap menjumpai saya untuk membincangkan soalan-soalan tambahan daripada buku teks. Berdasarkan respon dan interaksi secara tak formal dengan kumpulan pelajar tersebut, impresi saya ialah bahawa memang terdapat ramai pelajar yang memandang serius terhadap kursus ini. Walaupun terpaksa belajar di bawah tekanan, ramai yang juga mendapati minat mereka terhadap kursus ini telah dirangsangkan, sekurang-kurangnya semasa syarahan, kerana gaya pengajaran yang lebih spontan.


### [iii] **Punca Masalah/Kelemahan:**

Bilangan pelajar dalam kelas terlalu ramai. Atitud pelajar lemah yang amat pasif. Memampuan matematik pra-Universiti sesetengah pelajar adalah teruk sekali.


### [iv] **Cadangan mengatasi Masalah/Kelemahan:**

Kurangkan bilangan pelajar per kelas. Mesti pastikan prestasi matematik pada tahap pra-universiti ditingkatkan lagi. Memperbaiki sistem pendidikan pada tahap pra-U untuk melahirkan pelajar yang mampu memikir secara merdeka, proaktif, *outspoken* dan berani mencabar autoriti.

*Data yang dipaparkan berikut adalah anggaran sahaja*



absent	6
0-9. 9	1
10-19. 9	6
20-29. 9	20
30-39. 9	28
40-49. 9	59
50-59. 9	62
60-69. 9	41
70-79. 9	28
80-89. 9	12
90-100	1
total	264
percentage below 40%	21. 3
average	51. 8
s. d	16. 8
% of s. d=	32. 5



final exam performance	
absent	6
0-9. 9	0
10-19. 9	11
20-29. 9	24
30-39. 9	40
40-49. 9	63
50-59. 9	49
60-69. 9	34
70-79. 9	27
80-89. 9	9
90-100	1
total	264
percentage below 40%	29. 1
average	49. 2
s. d	17. 3
% of s. d=	35. 1

